

**PERSPEKTIF PAKAR MENGENAI KEPENTINGAN LAGU NEGARAKU DALAM
PEMBINAAN NEGARA BANGSA**
***EXPERTS PERSPECTIVE REGARDING SIGNIFICANT OF NEGARAKU IN NATION-
STATES BUILDING***

Siti Nurkhalilah Liana Binti Shieakh Malik*

Azizan Zainuddin**

Anida Mahmood***

Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, MALAYSIA

Abstrak

Kewujudan simbol kebangsaan memainkan peranan yang penting dalam mencerminkan imej dan identiti sebuah negara. Salah satu simbol yang sering digunakan di seluruh dunia adalah lagu kebangsaan. Begitu juga dengan Malaysia, Negaraku diangkat menjadi lagu kebangsaan sejak 1957 lagi. Keunikan struktur lagu dari segi gabungan melodi dan lirik dalam lagu ini memberikan impak yang kuat kepada jiwa dan emosi pendengar. Namun begitu, disebabkan lagu ini hanya berdurasi selama 5 minit sewaktu dinyanyikan, menjadikan perbincangan mengenai lagu Negaraku ini tidak diperluaskan terutamanya dalam pembinaan negara-bangsa. Bahkan, isu penghinaan lagu Negaraku ini masih lagi berterusan sehingga ke hari ini. Faktor utamanya adalah kurangnya kefahaman dan penghayatan terhadap makna dan peranan lagu ini oleh rakyat Malaysia. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menekankan kepentingan Negaraku sebagai lambang negara-bangsa dalam kepelbagaian budaya di Malaysia. Menerusi temu bual semi-struktur bersama tiga pakar utama dalam bidang sosiologi ini, analisis tematik dilakukan dalam mencari tema utama untuk menjelaskan mengenai peranan Negaraku dalam pembinaan negara-bangsa. Dapatan kajian menunjukkan lagu Negaraku berperanan terhadap pembinaan negara-bangsa jati diri warganegara Malaysia, penyatuan budaya dan identiti nasional di Malaysia serta alat pembinaan negara-bangsa. Kesimpulannya, perbincangan tema menerusi Negaraku ini dapat memperluaskan skop diskusi dalam bidang sains sosial melalui kajian antemologi di Malaysia.

Kata kunci: simbol kebangsaan, Negaraku, lagu kebangsaan, budaya, negara-bangsa

Abstract

The existence of national symbols plays an important role in reflecting the image and identity of a country. The national anthem is one of the symbols that is often used around the world. Likewise with Malaysia, Negaraku has been adopted as the national anthem since 1957. The uniqueness of Negaraku through the combination of melodic and lyrical structure in this song has a strong impact on the soul and emotions of the listener. However, the 5 minutes duration of Negaraku and its reverberates making the discussion about Negaraku not expanded, especially in the construction of the nation-state. Plus, the Negaraku's issue of contempt still happens to this day. The lack of understanding and appreciation of the meaning and role of this song by Malaysians is the main factor for this problem. Therefore, this article aims to emphasize the importance of Negaraku as a symbol of the nation-state in cultural diversity in Malaysia. Through semi-structured interviews with three main experts in the field of sociology, a thematic analysis was conducted to develop themes in explaining the role of Negaraku in the construction of the nation-state. The findings show that the role of Negaraku is important in nation-state building, which are the identity of Malaysian citizens, the unification of culture and national identity in Malaysia. In conclusion, the data analysis through Negaraku can

expand the scope of discussion in the field of social science through the study of anthemology in Malaysia

Keywords: *national symbol, Negaraku, national anthem, culture, nation-states*

Pengenalan

Kewujudan simbol kebangsaan di setiap negara memainkan peranan penting dalam pembentukan negara bangsa.¹ Simbol negara boleh diwujudkan melalui empat kategori simbolisma iaitu simbol lisan, simbol grafik, simbol aktif dan simbol konkrit.² Menerusi empat kategori ini, simbol negara menjadi ikonik terutamanya lagu kebangsaan, bendera kebangsaan, bunga kebangsaan mahupun mata wang. Unjuran simbol kebangsaan ini telah menjadi alat strategik dalam menyampaikan mesej identiti dan perpaduan negara. Hal ini kerana, tujuan utama kepada kewujudan simbol kebangsaan ini adalah untuk menyatupadukan rakyat dan menekankan kepentingan nilai patriotisme dalam masyarakat. Penciptaan simbol ini juga adalah berdasarkan budaya dan sejarah sesebuah negara tersebut kepada persada dunia. Bahkan, simbol ini menjadi semacam maruah yang perlu sesuatu bangsa tersebut pelihara demi kedaulatan negara mereka. Maka, simbol kebangsaan menjadi medium yang penting dalam pembentukan negara-bangsa.

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam penciptaan simbol kebangsaan diambang kemerdekaan pada 1957. Simbol kebangsaan yang terawal sekali diperkenalkan adalah bendera Malaysia dan lagu kebangsaan (Negaraku). Kedua-dua simbol ini menjadi kebanggaan negara kerana Malaysia kini telah bebas dari penjajahan dan mampu berdiri dengan sendirinya.³ Negaraku juga bertindak sebagai asas identiti Malaysia dalam pembentukan negara-bangsa di Malaysia. Impak yang diberikan oleh Negaraku sebagai lagu kebangsaan memberikan kesan terhadap emosi pendengarnya menerusi melodi dan lirik lagu tersebut. Kesan tersebut dapat dilihat menerusi reaksi spontan setiap warganegara yang akan berdiri tegak untuk menghormati saat lagu tersebut berkumandang. Hal ini juga telah digariskan di dalam Akta Lagu Kebangsaan 1968 (Akta 808) menerusi seksyen 8 yang menyatakan kewajipan untuk setiap warganegara berdiri tegak sewaktu menyanyikan atau mendengar lagu ini berkumandang.⁴

Penciptaan lagu kebangsaan ini berkait rapat dengan sejarah, budaya, tradisi dan perjuangan rakyat dalam memperjuangkan kebebasan negara. Menerusi elemen ini, melodi Negaraku mempunyai kesan yang sangat kuat terhadap emosi pendengarnya. Manakala, lirik lagu kebangsaan pula boleh dijadikan sebagai sumpah setia yang diungkapkan oleh setiap bangsa sewaktu menyanyikan lagu kebangsaan. Lirik yang ditulis menonjolkan nilai patriotisme dan nasionalisme yang perlu dimiliki oleh setiap bangsa.⁵ Negaraku menjadi simbolik penyatuan bangsa kerana setiap rakyat perlu sama-sama berdiri tegak sewaktu mendengar atau menyanyikan Negaraku tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan budaya. Bahkan, ianya menyumbang kepada perihai negara-bangsa merupakan sesuatu yang sangat penting dalam menentukan kekuatan sesebuah negara.⁶ Konsep negara-bangsa Malaysia sedikit berlainan dengan negara lain. Struktur demografi Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa ini menjadikan terma negara dan bangsa adalah berbeza menjadikan Malaysia sebuah 'negara-tanpa-bangsa'. Penerimaan dan penyatuan pelbagai kaum inilah yang menubuhkan sebuah negara yang dinamakan Malaysia. Setiap kaum punya berbeza keperluan, budaya, tradisi mahupun agama tetapi dapat disatukan sebagai rakyat Malaysia. Oleh kerana itu, simbol kebangsaan memainkan peranan yang penting sebagai simbol identiti dan penyatuan setiap bangsa. Justeru itu, makalah ini akan memfokuskan kepada lagu kebangsaan sebagai medium pembentukan negara-bangsa, terutamanya dalam masyarakat berbilang kaum.

Objektif utama makalah ini adalah untuk menunjukkan kepentingan Negaraku terhadap pembentukan negara-bangsa dalam kepelbagaian etnik di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh struktur lagu kebangsaan yang unik dan tidak ketara menjadikan spektrum kajian lagu kebangsaan kurang mendapat perhatian⁷ dalam kajian akademik dan perbincangan sains sosial berbanding Jalur Gemilang. Berbeza dengan Jalur Gemilang, penggunaan warna dan simbol dalam bendera negara memudahkan orang ramai untuk memahami intipati negara-bangsa berbanding lagu kebangsaan.⁸ Penyebaran serta kesedaran tentang peranan Jalur Gemilang terhadap pembentukan negara-bangsa begitu meluas dilakukan di platform media. Malangnya, disebabkan oleh struktur material Negaraku yang tidak boleh dilihat melalui mata kasar dan hanya boleh didengari dan dijiwai menjadikannya rumit untuk dikaji dan difahami. Struktur Negaraku yang unik dari segi melodi dan lirik mampu menjadi ikatan emosi yang kuat dalam kalangan masyarakat. Sehingga ke hari ini, hanya dua orang tokoh akademik di Malaysia yang mampu mendedahkan kehebatan lagu Negaraku iaitu Shazlin Hamzah (2018, 2022) dan Saidah Rastam (2014, 2017).

Kekurangan pendedahan terhadap Negaraku sebagai salah satu medium pembentukan negara-bangsa adalah salah satu faktor yang menjadikan kepentingannya tidak difahami dan diberi perhatian. Hal ini dapat dilihat menerusi rentetan kontroversi yang berterusan berlaku dari 1957 hingga 2022. Jadual di bawah menunjukkan senarai konflik terhadap Negaraku dari 1957 sehingga 2022 dan disertakan sekali dengan inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan dalam membendung permasalahan ini.

Jadual 1: Garis masa kontroversi dan inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan berkenaan Negaraku.

Tahun	Kontroversi	Inisiatif
1957	Tingkah laku tidak sopan seperti tidak berdiri dan bergelak ketawa sewaktu Negaraku dimainkan di pawagam oleh majoriti etnik. ⁹	Minggu Perpaduan Negara Radio Malaya melakukan 'sesi pengajaran' mengenai lagu Negaraku dalam slot radio 5 petang.
2008- 2011	2008: Menukar lirik lagu Negaraku kepada Negarakuku oleh salah seorang pelajar Malaysia di Taiwan. ¹⁰	Semakan kedua Akta Lagu Kebangsaan 1968 dilakukan pada 2018.
	2011: Menghina dan menukar lirik lagu Negaraku oleh pelajar Malaysia melalui laman media social FB. ¹¹	Tambahan kepada Seksyen 8(1) Akta Lagu Kebangsaan mengenai jenis tindakan yang tidak menghormati serta menghina lagu Negaraku
	2019: Seramai tujuh orang Sarawak telah ditahan kerana tidak berdiri semasa lagu Negaraku dimainkan pada suatu majlis khas di Sarawak. ¹²	
	2021: Penciptaan beberapa versi Negaraku dalam Bahasa Mandarin, Arab dan Kadazan. ¹³	Kesemua kes diadili di bawah Akta Hasutan kerana ianya mampu mengganggu-gugat keharmonian negara Malaysia. Tetapi tiada lagi

2019-2022	2022: Sekumpulan rakyat Malaysia insiatif yang dilakukan oleh yang tidak menghormati lagu kerajaan dalam menonjolkan Negaraku dengan menyanyikan dan Negaraku sebagai satu lambang mengibarkan Jalur Gemilang di identiti negara. Israel. ¹⁴
	2020: Pertikaian antarabangsa antara Indonesia dan Malaysia berhubung tindakan menghina lagu kebangsaan Indonesia oleh warganegara Malaysia. ¹⁵

Sumber: "Anthems on the air", *The Straits Times*, September 21st, 1956: hlm 6.; "Pelajar cipta klip video alternatif hina Negaraku disiasat polis," *Star Media Group Berhad*, September 23rd, 2008; "Pelajar UMT didakwa hina lagu Negaraku," *Malaysia Kini*, July 11th, 2011; "Video hina lagu Negaraku: Bukit Aman ambil tindakan." *Sinar Harian*, 2019; "Education Ministry probing Negaraku in Mandarin controversy, *New Straits Times*, December 7, 2019; "Polis siasat video tular lagu kebangsaan dikibar bersama bendera Israel," *Agenda Daily*, Disember, 2022. "Heboh! Akaun Berbendera Malaysia Hina lagu Indonesia Raya, *Kompas TV*, Disember 28, 2021.

Berdasarkan kepada jadual di atas, kontroversi berkaitan dengan Negaraku telah bermula sejak 1957 lagi. Berita memaparkan tingkah laku yang tidak sopan seperti tidak berdiri tegak bahkan mereka bergelak ketawa sewaktu Negaraku berkumandang. Antara faktor yang menyebabkan isu ini berlaku adalah disebabkan kurangnya kefahaman dari segi pendidikan mengenai Negaraku ini kerana ianya baru sahaja diperkenalkan sebagai lagu kebangsaan Malaysia. Oleh itu, dalam usaha untuk menyebarkan kesedaran dan pendidikan mengenai Negaraku ini, Radio Malaya mengambil inisiatif untuk mengadakan satu slot khas bagi sesi pengajaran mengenai lagu Negaraku ini. Pada ketika itu, Jamaludin Alias selaku DJ utama dalam slot ini mengajar serta menerangkan cara-cara menyanyikan lagu Negaraku ini mengikut not yang betul serta maksud di sebalik lagu ini. Hasilnya, inisiatif ini berjaya menarik perhatian para pendengar dan mereka mula memahami dan mengetahui akan lagu ini.¹⁶

Namun begitu, pada 1960 hingga 2007 tiada lagi direkodkan akan kontroversi berkenaan Negaraku. Hal ini kerana Malaysia pada ketika ini sedang berhadapan dengan konflik kaum yang kronik sehingga tercetusnya tragedi 13 Mei 1969.¹⁷ Kerajaan sedaya upaya untuk meleraikan ketegangan antara kaum ini disebabkan oleh pergolakan ekonomi dan politik yang berlaku. Oleh itu, kerajaan memfokuskan kepada pengenalan Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru untuk merapatkan kembali jurang antara kaum ini.

Kontroversi ini menjadi hangat semula pada 2008 hingga 2011 yang menyaksikan perbuatan menghina dan menukar lirik lagu Negaraku dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, kerajaan mengambil pendekatan drastik untuk menyemak kembali peruntukan undang-undang khusus mengenai Negaraku yang dikenali sebagai Akta 808. Hasilnya, semakan kedua bagi akta ini telah dilakukan pada 2018 dengan penambahan kepada subseksyen 8(1) yang menyenaraikan tentang perilaku tidak menghormati lagu Negaraku. Perlakuan tersebut termasuklah mengubah lirik lagu asal atau mempunyai unsur-unsur penghinaan kepada lagu tersebut. Walau bagaimanapun, isu ini timbul kembali pada 2019 hingga 2022 yang bukan sahaja melibatkan perilaku terhadap Negaraku tetapi ia melibatkan konflik antarabangsa. Setiap kes ini telah didakwa dan dibicarakan di bawah Akta Hasutan 1948 kerana ianya mampu mengganggu-gugat ketentaraman negara.¹⁸

Walaupun pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh kerajaan dalam membendung permasalahan ini tetapi ianya tidak mencukupi dalam membendung permasalahan ini dari terus berlaku. Hal ini menunjukkan bahawa Negaraku sebagai salah satu lambang pembentukan negara-bangsa masih lagi tidak mencukupi dalam mengetengahkan kepentingan lagu tersebut. Bahkan, masih lagi kurang kajian yang dijalankan di Malaysia yang menjurus kepada kepentingan simbol negara terhadap pembentukan negara-bangsa terutama sekali dalam masyarakat yang berbilang kaum dan budaya. Hal ini kerana, kajian Negaraku yang dilakukan oleh Saidah Rastam lebih menjurus kepada susur galur sejarah lagu ini bermula dari La Rosalie sehinggalah Negaraku.¹⁹ Manakala, kajian yang dilakukan oleh Shazlin Hamzah lebih menekankan kepada sejarah, susur galur masa lagu ini dan juga peranan sejarah kolektif yang menjadikan lagu tersebut sebagai identiti yang penting bagi Malaysia.²⁰ Namun begitu, sehingga ke hari ini, tiada lagi kajian yang dilakukan yang fokus kepada peranan Negaraku terhadap pembentukan negara-bangsa dan identiti nasional di Malaysia. Maka, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan Negaraku dalam proses pembentukan negara-bangsa menerusi kepelbagaian budaya di Malaysia selain sebagai simbol negara-bangsa dalam kepelbagaian budaya di Malaysia.

Kajian Literatur

Peranan simbol kebangsaan dalam pembentukan negara-bangsa

Kewujudan simbol kebangsaan sebagai lambang identiti sesebuah negara telah bermula dari awal ketamadunan manusia lagi. Penciptaan simbol kebangsaan ini adalah seiring dengan kepentingannya dalam membina sesebuah makna kepada negara-bangsa.²¹ Simbol ini juga boleh ditakrifkan sebagai satu medium yang merujuk kepada sejarah negara dan kedaulatan sesebuah negara. Menerusi buku *Symbols of Nations and nationalism: Celebrating nationhood* tulisan Elgenius (2011) berdasarkan kajian PhD beliau pada tahun 2005²² menyatakan bahawa kebanyakan perbincangan dalam bidang simbol kebangsaan ini akan berkisarkan kepada tiga tema utama. Tema pertama adalah ‘apakah itu negara-bangsa?’ Tema kedua pula adalah ‘bilakah penubuhan sesebuah negara-bangsa tersebut?’ Akhir sekali, tema ketiga pula membincangkan ‘bagaimanakah penakrifan sesebuah negara-bangsa tersebut?’ Ketiga-tiga persoalan utama dalam tema perbincangan ini secara jelas dapat dilihat menerusi maksud tersirat dan sejarah di sebalik penciptaan simbol kebangsaan.

Bahkan, perihal ini telah dinyatakan oleh Durkheim²³ bahawa penciptaan simbol kebangsaan ini dilakukan oleh kelompok manusia yang memberikan makna, idea mahupun nilai sesebuah negara-bangsa tersebut kepada sesebuah objek konkrit. Perihal ini penting kerana, simbol merupakan alat yang boleh dilihat dan dirujuk dengan mata kasar. Oleh sebab itu, kebanyakan penciptaan awal simbol kebangsaan adalah dalam pelbagai bentuk yang sangat berkait rapat dengan mitologi, sejarah mahupun agama sesebuah negara bangsa.

Menurut Elgenius²⁴ dan Shazlin Hamzah²⁵ simbol kebangsaan ini boleh diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu, simbol lisan, grafik, aktif dan konkrit. Pengelasan kepada setiap kategori ini adalah berdasarkan operasinya dalam mewakili negara. Jadual 2 di bawah menunjukkan setiap kategori yang digunakan oleh seluruh dunia.

Jadual 2: Kategori simbol negara yang digunakan secara rasmi oleh seluruh dunia.

Kategori	Contoh
----------	--------

1 Simbol Lisan	Ucapan, slogan, moto, petikan sejarah, dokumen, mitologi, cerita rakyat dan muzik
2 Simbol Grafik	Jata negara, pingat, pakaian seragam, lilitan lengan rasmi negara, dan bendera kebangsaan
3 Simbol Aktif	Perbuatan dan tingkah laku manusia terhadap simbol negara sebagai elemen penting dalam pembentukan negara-bangsa
4 Simbol Konkrit	Bangunan tertentu, monumen, patung, gunung, atau objek yang mempunyai kekuatan mistik

Sumber: Elgenius Gabriella, *Symbols of nations and nationalism: Celebrating nationhood*, Basingstoke: Palgrave Macmillan, 2011, Elgenius Gabriella, “*Expression of nationhood: National symbols and ceremonies in contemporary Europe*,” PhD diss., University of London, 2005, Waterman Stanley, “National anthem and national symbolism: Singing the nation,” In *Handbook of the changing world language map*, Springer, 2019.

Namun begitu, makalah ini akan lebih menjurus kepada simbol lisan kerana lagu kebangsaan tergolong di dalam kategori ini. Simbol lisan ini boleh ditakrifkan sebagai alat penyampaian maksud melalui perkataan lisan dan bertulis. Simbol ini boleh dilihat dengan jelas dalam lagu kebangsaan atau moto negara. Tambahan pula, menurut Smith menerusi buku yang bertajuk *The Nation in History: Historiographical Debates about Ethnicity and Nationalism* menyatakan bahawa simbol ini seringkali digunakan juga di dalam risalah propaganda yang telah ditetapkan oleh kerajaan.²⁶ Spektrum simbol lisan ini membolehkannya mudah untuk disebarkan serta diedarkan melalui buku, televisyen, radio atau internet kepada masyarakat. Kenyataan ini juga disokong oleh Elgenius apabila beliau menyatakan bahawa simbol lisan ini adalah apa sahaja medium yang memberikan kesan pendengaran dan visual kepada masyarakat berkenaan negara-bangsa.²⁷ Negaraku dan Rukun Negara adalah contoh simbol lisan yang Malaysia gunakan secara rasmi bagi mewakili negara.

Peranan Lagu Kebangsaan dalam Pembentukan Negara-Bangsa

Lagu kebangsaan termasuk dalam beberapa simbol kebangsaan seperti jata negara, bendera kebangsaan mahupun mata wang sesebuah negara tersebut. Negaraku sebagai lagu kebangsaan Malaysia juga mempunyai peranan yang sama dalam memaparkan imej sesebuah negara-bangsa tersebut. Lagu kebangsaan memainkan peranan yang penting dalam memelihara, memulihara, menyatakan, mencipta serta membangkitkan rasa identiti nasional dalam perkumpulan kebangsaan sama ada majoriti mahupun minoriti. Veros dan Fekete²⁸ menakrifkan yang lagu kebangsaan adalah salah satu lambang negara yang biasanya dikenali sebagai gubahan muzik nasionalisma atau patriotisma yang mengingatkan rakyat tentang sejarah, tradisi dan perjuangan dalam membentuk sebuah negara-bangsa yang harmoni. Bahkan, ianya juga dipersetujui oleh Surjowati²⁹ apabila beliau menakrifkan bahawa lagu kebangsaan ini juga mewakili ‘simbol patriotik rasmi’ yang wujud dalam bentuk audio dan mempunyai fungsi yang sama seperti bendera kebangsaan dan mata wang. Tambahan pula, Waterman³⁰ juga menakrifkan bahawa lagu kebangsaan ini diibaratkan sebagai ‘payung negara’ yang boleh dibanggakan oleh sesebuah negara.

Berdasarkan penceritaan dan rujukan sejarah berkenaan dengan penciptaan lagu kebangsaan, terdapat dua fungsi utama yang mampu memberi kesan kepada semangat nasionalisma dan patriotisma rakyat. Shazlin³¹ dalam bukunya yang bertajuk *Wajah Malaysia Dalam Gurindam Lagu-Lagu* telah menyatakan fungsi tersebut melalui dua struktur utama dalam penciptaan lagu kebangsaan. Fungsi pertama adalah menerusi peranan emosi yang

berkait rapat dengan struktur muzik lagu yang dikenali sebagai struktur semantik. Struktur ini dapat dilihat menerusi laras, kord dan not muzik yang digunakan dalam penciptaan sesebuah lagu kebangsaan. Struktur semantik itu sendiri berfungsi sebagai ekspresi emosi kerana muzik dianggap sebagai medium yang bertindak balas dengan emosi manusia. Ianya begitu unik kerana tindak balas ini tidak boleh dilihat menerusi mata kasar tetapi hanya boleh dirasai oleh pendengarnya. Oleh sebab ianya memberikan impak yang kuat terhadap emosi manusia, Erikson³² dan Waterman³³ menganggap dan bersetuju bahawa muzik juga adalah cerminan budaya sesebuah negara-bangsa kerana boleh membawa kepada ikatan emosi yang kuat. Keterikatan tersebut boleh dibentuk melalui proses pengulangan melalui nyanyian dan dendangan lagu oleh rakyatnya.

Manakala, fungsi kedua lagu kebangsaan ini dapat dilihat menerusi peranan simbolik melalui lirik lagu atau dikenali sebagai struktur sintatik. Melalui rujukan teks daripada Abril³⁴ dan Meriam,³⁵ menyatakan bahawa teks atau lirik lagu boleh berkomunikasi dan berinteraksi dengan pendengar. Justeru itu, ia dapat menghasilkan maklumat konkrit menerusi maksud tersirat di dalam bahasa yang difahami oleh sesuatu negara-bangsa itu. Tidak dinafikan juga bahawa lagu kebangsaan telah diiktirafkan sebagai simbolik dalam menyemarakkan semangat nasionalisme dan patriotisme dalam masyarakat.³⁶ Tambahan pula, ianya seringkali digunakan oleh kerajaan sebagai salah satu medium untuk menggalakkan sosialisasi politik, pembinaan jati diri dan pengekalan identiti nasional terutamanya dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia.³⁷ Hal ini kerana, struktur sintatik lagu tersebut mencerminkan imej negara menerusi lirik lagu yang ditulis.

Negaraku Sebagai Simbol Negara Malaysia

Negaraku merupakan satu kebanggaan serta identiti Malaysia. Lagu ini adalah satu-satunya lagu kebangsaan Malaysia yang dipegang oleh rakyat Malaysia selama 60 tahun lamanya. Fungsi utamanya sebagai simbol yang paling sonik dicipta untuk mencerminkan usaha yang berterusan dalam pembinaan negara-bangsa. Bahkan, ianya bertindak sebagai pengikat bahawa setiap kaum di Malaysia perlulah bersatu padu dalam menerima kepelbagaian sebagai sebahagian daripada identiti negara.³⁸ Hal ini dapat dilihat menerusi kelakuan semula jadi setiap kaum ketika mendengar dan menyanyikan lagu ini. Secara automatik, setiap dari kita akan berdiri tegak untuk menghormati lagu kebangsaan ini.³⁹

Sejarah penciptaan lagu Negaraku sebagai lagu kebangsaan merupakan sejarah yang panjang dan unik. Kewujudan melodi lagu Negaraku itu sendiri telah dicatatkan menerusi lagu La Rosalie pada 1800 sehinggalah ianya diangkat menjadi Terang Bulan (1901), Allah Lanjutkan Usia Sultan (1888) kepada Negaraku (1957). Jadual 3 di bawah menunjukkan senarai lirik yang menunjukkan gubahan lirik Negaraku mengikut setiap fasa.

Jadual 3: Peralihan lirik dari La Rosalie, Terang Bulan, Allah Lanjutkan Usia Sultan ke Negaraku

<i>La Rosalie</i>	<i>Terang Bulan</i>	<i>Allah Lanjutkan Usia Sultan</i>	<i>Negaraku</i>
Versi Perancis: <i>La Rosalie asise par sa fenetre, J'ebtend la pluie qui verse sur son dos,</i>	Para. 1: Terang bulan, terang dipinggir kali, Buaya timbul disangkalah mati,	Dilanjutkan Allah usia Sultan, Adil dan murah memerintah watan,	Para.1: Negaraku Tanah tumpahnya darahku Rakyat hidup Bersatu dan maju

<i>Son petit couer qui repose a son aise , Et le mien qui na point de repos.</i>	Jangan percaya mulutnya lelaki, Berani sumpah, tapi takut mati.	Diataati rakyat kiri dan kanan, Iman yang soleh Allah kurniakan, Allah berkati Perak Ridzuan, Allah selamatkan Negeri dan Sultan.	Para. 2: Rahmat bahagia Tuhan kurniakan Raja kita Selamat bertakhta
Terjemahan⁴⁰: La Rosalie seated by her window, I hear the rain pouring down her back, Her little heart rests at ease, And mine which has no rest.	Para. 2 Waktu potong padi di tengah sawah, Sambal bernyanyi riuh rendah Memotong padi semya orang, Sedari pagi sampai petang.		Para. 3: Rahmat bahagia Tuhan kurniakan Raja kita Selamat bertakhta
	Para 3: Waktu potong padi di tengah sawah, Sambil bernyanyi riuh rendah, Bersenang hati sambal bersuka, Tolonglah kami bersama-sama.		

Sumber: Saidah Rastam, *Rosalie, the other love song*, Strategic Info Research Development (SIRD): Malaysia, 2014, hlm.22.

Berdasarkan sejarah yang telah direkodkan secara rasmi, pemilihan lagu kebangsaan Malaysia telah diadakan pada tahun 1957 dengan kerjasama antara Radio Malaya dan Kerajaan Persekutuan. Kerjasama dua agensi ini sebulat suara bersetuju untuk mengadakan satu pertandingan bagi memilih lagu kebangsaan. Penyertaan tersebut terbuka bukan sahaja kepada rakyat Malaysia tetapi seluruh dunia. Satu jawatankuasa juga telah ditubuhkan diketuai Tunku Abdul Rahman selaku juri pemilihan lagu ini. Mengikut keratan akhbar *Straits Time* bertarikh 15 Mei 1957, direkodkan sebanyak 514 penyertaan telah diterima merangkumi penyertaan dari seluruh pelosok dunia, merangkumi pemuzik dari Malaya, Indonesia, Britain, United States, Perancis, Denmark, Sweden, Hungary, Turki, Mesir dan India.⁴¹ Namun begitu, rekod rasmi lainnya mencatatkan sebanyak 419 penyertaan yang diterima. Satu-satunya rekod rasmi adalah menerusi keratan akhbar *The Malay Mail* pada Januari 1957 berkenaan pertandingan penciptaan lagu kebangsaan.⁴² Walaupun terdapat percanggahan maklumat antara dua akhbar ini, ianya sudah cukup membuktikan bahawa pertandingan ini berlaku sewaktu pasca-kemerdekaan Malaysia.

Catatan dari Perpustakaan Negara pada 2003 juga menceritakan situasi pada ketika itu semakin genting kerana hari kemerdekaan sudah semakin dekat tetapi Malaysia masih tidak mempunyai lagu kebangsaan untuk dimainkan di hari kemerdekaan.⁴³ Tunku mengambil keputusan untuk mengambil lagu kebesaran Negeri Perak untuk dijadikan lagu kebangsaan. Melihatkan kepada sejarah dan nilai sentimental di sebalik melodi lagu sebagai lagu rasmi negeri yang pertama di Tanah Melayu menjadikan ianya sebab utama dipilih sebagai lagu kebangsaan. Namun begitu, tiada sebarang rekod ataupun dokumen rasmi akan persetujuan antara Tunku Abdul Rahman dan Sultan Perak untuk mengubah lagu Perak sebagai lagu

kebangsaan Malaysia. Maka, alunan melodi Negaraku buat pertama kalinya berkumandang pada 31 Ogos 1957.⁴⁴ Hanya selepas 31 Ogos, lirik lagu Negaraku ditulis oleh Saiful Bahri. Beliau merupakan komposer dan penulis lirik yang terkenal di Nusantara telah dijemput oleh Tunku Abdul Rahman. Proses penulisan lirik Negaraku juga melibatkan Tunku Abdul Rahman.⁴⁵

Rakaman rasmi bagi lagu Negaraku ini dilakukan oleh kumpulan Koir Merdeka dan ianya diselenggarakan oleh Ahmad Merican yang bertugas di Radio Malaya pada ketika itu. Kumpulan koir yang membawakan lagu Negaraku ini memaparkan simbolisma kepelbagaian budaya yang sangat kuat kerana kumpulan ini terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Kumpulan ini menjadi lambang perpaduan negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Tony Fonseka merupakan orang yang bertanggungjawab dalam pemilihan penyanyi dan latihan bagi sesi rakaman tersebut. Saidah Rastam turut menyatakan kekaguman beliau atas usaha tersebut dalam temu bual podkas bersama stesen radio BFM pada 18 November 2015:

“Apabila Tuanku memutuskan untuk mencipta himpunan lagu baharu untuk Malaysia, kumpulan koir yang dibentuk untuk menyanyikan lagu Negaraku ini datang dari pelbagai agama, kepercayaan dan warna.”⁴⁶

Transkripsi berikut merupakan bukti bagaimana Negaraku ini menjadi salah satu lambang kepada kesepaduan dan jati diri sebagai warganegara Malaysia.

Metodologi

Kaedah metodologi kertas kajian ini dijalankan sepenuhnya menggunakan kajian kualitatif. Kajian ini bersesuaian dengan pendekatan sejarah yang lebih naturalistik terhadap topik utama yang memerlukan tetapan semula jadi tafsiran fenomena hubungan manusia. Pendekatan ini sering digunakan di dalam kajian sosiologi dan sains sosial melalui kaedah dan pertanyaan.⁴⁷ Fleksibiliti proses menerusi pendekatan ini menjadikan maklumat lebih terperinci dan mendalam berdasarkan naratif daripada responden mengenai topik yang dikaji.⁴⁸ Bahkan, ianya bersesuaian dalam memenuhi tujuan kertas kajian ini kerana rujukan sejarah memainkan peranan yang penting dalam menonjolkan kepentingan Negaraku serta hubungkaitnya dengan identiti kebangsaan ini.

Pengumpulan data adalah melalui temu bual semi-struktur yang akan dilakukan bersama-sama pakar dalam topik ini. Seramai tiga orang pakar yang berkaitan telah ditemuramah untuk mendapatkan pandangan arif mereka mengenai topik ini. Justifikasi pemilihan tiga pakar ini adalah melihatkan kepada sumbangan mereka dalam perbincangan konsep identiti kebangsaan dan kepentingan Negaraku itu sendiri. Pemilihan setiap pakar ini juga adalah berdasarkan sumbangan mereka dalam penulisan serta perbincangan mengenai perihai sejarah, identiti nasional serta kepelbagaian etnik di Malaysia. Justeru itu, temu ramah yang dilakukan adalah secara bersemuka antara Dr. Shazlin Hamzah, Prof. Ulung Dato’ Dr Shamsul Amri Burhanudin dan Prof. Dato’ Dr. Ahmad Murad Merican bagi mendapatkan pandangan serta pendapat mengenai isu ini berdasarkan kepakaran mereka. Hal ini kerana, Dr. Shazlin merupakan pelopor dalam kajian antemologi⁴⁹ di Malaysia. Manakala, perbincangan serta konsep berkaitan identiti nasional dipelopori oleh Prof. Dato’ Shamsul A.B. Akhir sekali, Prof. Dato’ Ahmad Murad merupakan pakar yang aktif dalam perbincangan berkenaan sejarah dan kewatanan Melayu. Ketiga-tiga tokoh ini merupakan sosok yang sangat sesuai dalam menelusuri topik dan isu ini. Data temu bual yang dikumpul sangat berguna dalam menghubungkan kepentingan Negaraku dengan perbincangan identiti kebangsaan di Malaysia sebagai objektif utama kertas kerja ini.

Selain itu, kaedah temubual semi-struktur ini dipilih berdasarkan fleksibiliti penyelidik dalam mengutarakan soalan kepada responden mengikut kesesuaian hala tuju penyelidikan ini. Bahkan, responden juga mempunyai kebebasan untuk melontarkan pendapat, pandangan serta pengalaman mereka tanpa tertakluk kepada soalan temu bual.⁵⁰ Hal ini akan memberikan ruang kepada responden dan penyelidik untuk mengkaji kepentingan Negaraku terhadap pembentukan negara-bangsa dalam kepelbagaian etnik di Malaysia.

Analisis data

Data temu bual dari ketiga-tiga pakar ini kemudiannya akan ditranskrip dan dianalisis menerusi analisis naratif. Analisis naratif ini ditakrifkan sebagai salah satu metodologi kajian kualitatif yang memfokuskan kajian dan penafsiran cerita atau naratif yang diceritakan oleh orang ramai. Tujuannya adalah untuk mendapatkan gambaran tentang makna, pengalaman dan perspektif yang mendasari topik kajian tersebut. Connelly dan Clandinin mencadangkan supaya responden diletakkan sebagai individu utama dalam sesuatu penyelidikan tersebut.⁵¹ Kaedah ini memberikan peluang kepada penyelidik untuk meneroka dan menghargai setiap pengalaman dan makna yang dialami oleh individu. Tumpuan kepada pengalaman tertentu menerusi anggapan yang berbeza-beza ini menjadikan data tersebut unik dan kaya untuk dikaji. Ianya boleh digunakan dalam pelbagai bentuk komunikasi termasuklah teks bertulis, wawancara lisan, mahupun media visual.⁵² Secara asasnya, analisis naratif boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu; analisis konten, analisis struktur, perbincangan analisis, analisis fenomenologi, analisis kritikal, autoetnografi dan analisis tematik.⁵³

Namun begitu, makalah ini memfokuskan kepada analisis tematik yang mengkhususkan kepada pengkategorian beberapa tema sebagai hasil dapatan kajian tersebut. Hal ini kerana, kaedah ini membantu dalam mencapai objektif utama makalah ini iaitu untuk mengkaji kepentingan Negaraku dalam pembentukan negara-bangsa Malaysia. Kaedah ini juga memainkan peranan yang penting dalam menekankan perkaitan antara Negaraku dan perbincangan dalam pembentukan negara-bangsa di Malaysia. Persoalan utama yang cuba dijawab menerusi kajian ini adalah bagaimana kepentingan Negaraku itu terhadap pembentukan negara-bangsa dapat diterapkan di dalam kepelbagaian kaum di Malaysia?

Kajian ini menggunakan kaedah dan teori analisis tematik oleh Braun & Clark. Kajian ini mengklasifikasikan dapatan kajian kepada beberapa tema yang penting. Kaedah ini dipilih adalah kerana melihatkan kepada fleksibiliti dalam pelbagai kerangka teori dan falsafah.⁵⁴ Selain itu, ia juga berkeupayaan sebagai sebuah alat penyelidikan yang mampu menyediakan akaun data yang kaya, terperinci, namun kompleks.⁵⁵ Menerusi kajian ini, data akan dipilih mengikut tema yang penting bagi menjawab objektif kertas kajian ini. Seterusnya, tema dari sesi temubual tersebut disokong dengan data sekunder dari rujukan antarabangsa, kajian tempatan semasa, jurnal, artikel, keratan akhbar dan buku berkaitan dengan topik kajian. Kekurangan sumber kajian dalam Negaraku ini menjadikan setiap sumber yang digunakan secara sepenuhnya bagi menyokong makalah ini.

Hasil daripada analisis tematik yang dijalankan dalam sesi temubual bersama pakar sosiologi di Malaysia, kajian ini menemukan empat elemen utama yang menjelaskan peranan Negaraku dalam pembinaan negarabangsa. Elemen-elemen tersebut dibahagikan kepada empat tema utama iaitu a) jati diri warganegara Malaysia, b) penyatuan budaya dan identiti nasional, c) alat pembinaan negara-bangsa dan d) cadangan serta langkah strategik.

Dapatan dan Perbincangan

Jati diri warganegara Malaysia

Tema pertama memaparkan bagaimana Negaraku ini menjadi lambang yang penting kepada jati diri sebagai rakyat Malaysia. Kesemua responden bersetuju akan fungsi hakiki lagu Negaraku yang menggambarkan jati diri rakyat itu sendiri. Kriteria kekerapan penggunaan terma 'jati diri', 'identiti negara' dan 'penghayatan' menyimpulkan akan tema satu dalam kajian ini. Berikut merupakan sisipan dari temu bual bersama Dr. Shazlin Hamzah;

“.... sebab tajuk ini adalah sangat penting untuk gagasan negara kita. Hal ini kerana, Negaraku adalah satu identiti dan jati diri negara itu sendiri.”⁵⁶

Kenyataan ini juga di sokong oleh Prof. Dato’ Dr Ahmad Murad Merican yang menyatakan bahawa;

“Negaraku adalah lagu rasmi dan ia berfungsi sebagai satu simbol dan tumpuan yang mencerminkan negara dan penyatuan negara. Ia juga mencerminkan keluhuran negara itu sendiri. Kalau kita tengok pada lirik lagu ini, ia membangkitkan rasa kepada tanah air.”⁵⁷

Bahkan, Prof. Ulung Dato’ Dr. Shamsul Amri Baharuddin juga menyatakan perkara yang sama apabila beliau mengatakan bahawa

“Negaraku ini merupakan simbol yang membina perasaan, kekitaan, hormat-menghormati, taat setia, patriotisme dan sebagainya...”⁵⁸

Berdasarkan dapatan daripada tema pertama yang dianalisis ini, dapat disimpulkan bahawa Negaraku ini berkait rapat dengan jati diri sebagai rakyat Malaysia. Jati diri merupakan nilai yang mendepani kekuatan sesebuah negara tersebut. Muzik merupakan salah satu medium yang menjadi fenomena universal dalam kehidupan masyarakat. Bahkan, ianya menjadi wajah sesebuah masyarakat tersebut. Sifat muzik yang ekspresif mencerminkan emosi, perasaan dan pemikiran yang tersirat di sebalik ciptaannya.⁵⁹ Justeru itu, peranan dan kriteria yang sama boleh dilihat menerusi struktur melodi dan lirik lagu Negaraku itu sendiri. Perihal ini telah disebutkan juga di dalam baris pertama dan kedua lirik Negaraku:

Rajah 1: Baris pertama dan kedua dalam perenggan pertama lagu Negaraku

Negaraku Tanah tumpahnya darahku

Sumber: Akta Lagu Kebangsaan (Akta 808), Malaysia: Pesuruhjaya Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2018

Struktur lirik di atas mewakili aspek jati diri dan identiti sebagai seorang rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, ianya membangkitkan satu perasaan kepada tanah air.⁶⁰ Semasa proses penciptaan lirik lagu ini, Tunku sentiasa mahukan perkataan ‘Negaraku’ sebagai ayat simbolik pertama dalam lagu kebangsaan Malaysia. Menurut Tunku, perkataan ‘Negaraku’ itu membawa makna simbolik yang apabila lagu kebangsaan ini dinyayikan semasa Hari Kemerdekaan, masyarakat akan menyedari bahawa Tanah Melayu ini telah menjadi

sebuah tanah yang berdaulat dan mempunyai tempat serta identiti di peta dunia. Manakala, baris seterusnya iaitu ‘Tanah tumpahnya darahku’ menggambarkan kesinambungan ‘Negaraku’ dalam baris sebelumnya. Baris ayat tersebut merujuk kepada Malaysia sebagai negara kelahiran semua bangsa yang bergelar warganegara. Walaupun Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik, mereka yang mengaku sebagai rakyat Malaysia sanggup untuk bergadai nyawa untuk mengekalkan kebanggaan dan keamanan negara. Jelas baris ini memaksudkan bahawa Malaysia ini adalah tanah air yang memancarkan kesedaran tanah ibunda kepada etnik lain selain Melayu.⁶¹

Oleh itu, kedua-dua baris ayat dalam perenggan pertama ‘Negaraku, Tanah tumpahnya darahku’ ini mewakili darah warga yang terkorban dalam menjaga dan mempertahankan maruah dan kedaulatan negara walau berbeza budaya dan tradisi. Ianya merupakan kefahaman asas kepada elemen nasionalisme dan identiti nasional. Walaupun mereka bukanlah penduduk asal tanah air ini, tetapi mereka juga dianggap sebagai pejuang tanah air serta membesar secara sedar di tanah ini yang telah menjadi tanah air mereka.⁶²

Namun begitu, fungsi dan kepentingan Negaraku hanya mampu dirasai selama lima minit nyanyian sahaja. Maka, lagu Negaraku ini memerlukan penghayatan yang tidak berbelah bahagi daripada setiap rakyat Malaysia tidak mengira kaum, etnik dan agama. Hal ini ditekan juga oleh Shamsul Amri (2023) dalam temu bual beliau;

“Bagi mengetahui kedudukan lagu Negaraku ini perkataan yang paling penting adalah penghayatan kepada lagu ini. Memahami apakah makna lagu Negaraku? Apakah simbol-simbol dan perkataan yang ingin dipaparkan menerusi lagu tersebut sewaktu kita menyanyikan lagu Negaraku ini?”⁶³

Dalam proses penghayatan tersebut, penting untuk setiap rakyat Malaysia memahami maksud di sebalik lirik Negaraku tersebut menerusi pengamalan dan pendidikan. Penghayatan tanpa pengamalan merupakan sesuatu yang sia-sia begitulah sebaliknya. Situasi di Malaysia memperlihatkan bahawa rakyat Malaysia tahu bahawa Negaraku itu merupakan lagu kebangsaan yang perlu dihormati tetapi mereka tidak memahami dan menghayati apakah maksud di sebalik lagu tersebut. Oleh itu, kepentingan Negaraku ini berkait dengan penemuan di tema kedua dalam dapatan kajian ini.

Penyatuan Budaya dan Identiti Nasional di Malaysia

Tema kedua pula lebih menjurus kepada peranan Negaraku sebagai penyatuan budaya dan identiti nasional di Malaysia. Hal ini berbeza sedikit dengan tema sebelumnya, kerana jati diri lebih menjurus kepada nilai yang perlu dihayati oleh seseorang individu tersebut selaku warganegara Malaysia. Manakala, identiti nasional ini menjurus kepada ikatan dan kesepaduan setiap etnik di Malaysia yang dipersetujui bersama. Kriteria kepada kekerapan penggunaan terma dalam tema ini adalah ‘penyatuan kaum’, ‘simbol solidariti’ dan ‘identiti’. Pertama, Negaraku sebagai simbol penyatuan ini dapat dilihat menerusi kenyataan dari Dato’ Dr. Ahmad Murad Merican apabila beliau menekankan bahawa;

“Tanah tumpahnya darahku di sini bermaksud tanah air. Kalau kita bertanya kepada orang yang tahu, mereka akan memberi jawapan bahawa lagu ini memancarkan satu kesedaran tanah ibunda walaupun pada orang bukan Melayu. Mereka sebagai pahlawan dan membesar secara sedar terhadap tanah air

mereka. Lagu ini juga sebenarnya salah satu indikator. Jadi, Negaraku tanpa mengira melodi dan liriknya adalah satu simbol penyatuanlah untuk semua warganegara.”⁶⁴

Menerusi kenyataan di atas, kita dapat simpulkan walaupun terdapat perbezaan kaum di Malaysia, tetapi, Negaraku ini menjadi pengikat kepada setiap kaum untuk bersatu padu dan menganggap tanah air ini yang bukan merupakan tanah asal bagi sesetengah kaum ini sebagai tanah air yang mereka sanggup pertahankan. Nilai dan penghayatan tersebut disatukan dengan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu. Kenyataan ini juga disokong oleh Dato’ Shamsul Amri apabila beliau mengatakan bahawa:

“.....pada saya, Negaraku ini penting untuk menjadi simbol. Simbol solidariti itu kerana kita memang kena kaitkan solidariti itu dengan simbol-simbol.”⁶⁵

Lambakan data di atas diperkukuhkan lagi menerusi penciptaan Negaraku apabila ianya diterima dan dipersetujui sebagai salah satu simbol negara oleh setiap etnik di Malaysia. Kesepaduan sebagai wajah utama Malaysia dapat dilihat menerusi tindakan yang apabila dimainkan lagu ini, secara automatik setiap kaum akan berdiri tegak sebagai tanda hormat.⁶⁶ Pengulangan kepada perenggan kedua dan ketiga Negaraku secara jelas memaparkan kesepaduan setiap kaum dalam kepentingan beragama dan mengiktirafkan identiti raja berperlembagaan walaupun hidup kepelbagaian kaum.

Rajah 2: Baris pertama dan kedua dalam perenggan ketiga dan keempat Negaraku

Rakyat bahagia Tuhan kurniakan

Sumber: Akta Lagu Kebangsaan (Akta 808), Malaysia: Pesuruhjaya Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2018

Di samping itu, baris pertama dan kedua dalam perenggan ketiga dan keempat menerusi Rajah 3 di atas, ‘Rahmat bahagia, Tuhan Kurniakan’ menggambarkan kepentingan keagamaan dan ketuhanan dalam masyarakat. Bahkan, dua baris ini tidak menspesifikasikan pada satu-satu agama kerana Tunku sedar bahawa Malaysia terdiri daripada penduduk berbilang etnik dan mengamalkan spektrum kepercayaan dan agama yang berlainan. Namun begitu, setiap agama dan kepercayaan itu mengiktirafkan kewujudan Tuhan dan hanya Tuhan sahaja yang dapat melimpahkan rahmat kepada manusia atas usaha mereka terhadap negara.⁶⁷

Hal ini dapat dilihat juga menerusi penerimaan dari setiap etnik untuk menghormati budaya utama di Malaysia terutamanya peranan sultan sebagai pemimpin negara. Perihal ini juga ditekankan di dalam lirik Negaraku menerusi perenggan ketiga dan keempat seperti yang tertera dalam rajah dibawah.

Rajah 4: Baris ketiga dan keempat dalam perenggan ketiga dan keempat Negaraku

Raja kita Selamat bertakhta

Sumber: Akta Lagu Kebangsaan (Akta 808), Malaysia: Pesuruhjaya Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2018

Kedua- dua baris dalam rajah di atas menggambarkan kesinambungan baris lirik sebelumnya. Sewaktu penciptaan lirik lagu *Negaraku* ini, jawatankuasa memberikan perhatian kepada kesesuaian bait-bait lirik dengan mengaitkannya dengan unsur raja berperlembagaan. Sultan di setiap negeri di Tanah Melayu dan YDPA menjadi identiti negara Malaysia. Tambahan pula, jikalau diteliti kembali gabungan setiap bait lirik dalam perenggan ketiga dan keempat ini, ianya merujuk kepada satu bentuk doa yang dititipkan oleh rakyat Malaysia ke arah pemerintahan beraja kita. Kedudukan raja itu sendiri mewakili kedudukan yang kukuh dan penting dalam menentukan kekuatan bangsa dan negara Malaysia.⁶⁸

Alat Pembinaan Negara-Bangsa

Tema seterusnya adalah bagaimana *Negaraku* ini berperanan sebagai alat pembinaan negara-bangsa. Melihatkan kepada kriteria kekerapan penggunaan terma ‘negara-bangsa’, ‘solidariti’ dan ‘kewatanan’ dapat menyimpulkan tema ketiga ini. Pada dasarnya, asas kepada negara-bangsa Malaysia adalah tamadun Melayu dan Islam itu sendiri. Menerusi perkongsian dari temu bual bersama Prof Dato’ Dr. Emeritus Ahmad Murad Merican, beliau menyatakan;

“Pertama, asas kepada negara bangsa adalah tamadun Melayu dan Islam. Ini telah diterima dalam Konvensyen pembinaan negara. Kebiasaan yang kita tahu dan kita terima dalam pembinaan negara dan ciri-ciri kewatanan Malaysia. Watan ini bermaksud dasar-dasar asal oleh kewatanan penduduk asal.”⁶⁹

Berdasarkan transkripsi di atas, pembinaan negara-bangsa ini telah dipersetujui dalam kebanyakan konvensyen pembinaan negara. Bahkan, ianya telah diterima dan dipersetujui oleh setiap kaum di Malaysia sewaktu pasca kemerdekaan. Pembinaan bangsa yang perlu untuk difahami dan diterima adalah merupakan ciri-ciri kewatanan⁷⁰ penduduk asal di sesuatu tempat tersebut.

Tidak dinafikan bahawa dalam proses pembinaan negara-bangsa terutamanya masyarakat berbilang kaum ini, setiap bangsa mempunyai perspektif serta keperluan yang berbeza-beza. Kenyataan daripada Prof. Dato’ Shamsul Amri menyatakan bahawa;

“..... perbezaan itu akan tetap ada kerana sifat masyarakat kita adalah kepelbagaian. Etnik solidariti itu menunjukkan kejayaan kita untuk mengekalkan kesepaduan itu walau ada perbezaan. Itulah dia yang dimaksudkan dengan etnik solidariti.”⁷¹

Kita dapat simpulkan bahawa perbezaan pandangan dan pendapat itu akan terus berlaku kerana setiap kaum itu mempunyai keperluan masing-masing yang perlu dipenuhi. Maka, *Negaraku* ini dijadikan medium yang sangat dekat dengan rakyat Malaysia akan pembinaan negara-bangsa menerusi lirik dan melodi lagu tersebut yang diraikan oleh semua kaum.

Tambahan pula, *Negaraku* itu sendiri bertindak sebagai penanda yang meraikan dan memperingati kenegaraan. Baris ketiga dan keempat dalam perenggan pertama *Negaraku* mencerminkan kesepaduan rakyat dalam pembinaan negara-bangsa.

Rajah 3: Baris ketiga dan keempat dalam perenggan pertama *Negaraku*

Rakyat hidup Bersatu dan maju

Sumber: Akta Lagu Kebangsaan (Akta 808), Malaysia: Pesuruhjaya Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2018

Dua baris lirik di atas menggambarkan semangat rakyat yang sanggup berganding bahu antara satu sama lain dalam membangunkan negara walaupun wujud perbezaan kaum, budaya, agama dan tradisi. Hal ini mewakili proses ketamadunan dalam pembinaan negara seperti yang digariskan oleh negara-negara Eropah. Ianya menjadi matlamat utama dalam pembinaan negara-bangsa untuk bergerak seiring dengan era modernisasi dan globalisasi. Justeru itu, untuk mencapai matlamat ketamadunan ini, intipati penyatuan dan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum merupakan aspek yang penting untuk dikecapi. Setiap cabaran dan halangan dalam usaha mencapai ketamadunan ini akan dihadapi bersama (Ianya perlu untuk difahami bahawa penduduk asal Malaysia ini tidak mengamalkan dasar memaksa dan menjadikan penduduk bukan Melayu sebagai Melayu. Jika kita teliti, sistem pembentukan negara-bangsa Malaysia mengamalkan dasar intergrasi di mana terdapat beberapa nilai-nilai asas yang dipanggil sebagai nilai Malaysia ini yang diamalkan dan diterima oleh setiap bangsa di Malaysia.

Cadangan dan Pelan Strategik

Tema keempat lebih merujuk kepada langkah strategik dan cadangan dalam menjadikan peranan *Negaraku* sebagai medium pengukuhan negara-bangsa. Hal ini adalah melihatkan kepada kekerapan terma seperti ‘sejarah’, ‘pendidikan awal’, ‘dasar’ dan ‘tribunal’. Ianya mempunyai potensi yang sangat besar untuk menjadi salah satu medium pengukuhan sekiranya langkah strategik ini diambil.

Menerusi sesi temubual yang dijalankan, kesemua pakar bersetuju yang *Negaraku* ini mampu memainkan peranan yang penting dalam membentuk kefahaman mengenai negara-bangsa. Namun ianya perlu didasar dengan pendidikan kerana ianya merupakan aspek utama dalam mendidik setiap generasi akan kepentingan *Negaraku* dalam pembinaan negara-bangsa. Kukuhnya identiti nasional yang dipegang oleh rakyat, akan memperkukuhkan lagi kekuatan negara-bangsa tersebut.⁷² Tambahan pula, keunikan masyarakat etnik yang pelbagai ini mampu menjadi kekuatan kepada Malaysia sekiranya difahami dan dihayati dengan betul.⁷³

Oleh itu, ianya perlu bermula daripada pelaksanaan pelan tindakan dasar itu sendiri. Tidak dapat dinafikan yang Malaysia mempunyai dasar yang mencakupi segala aspek dalam pembinaan negara-bangsa. Namun begitu, pengukuhan dari segi pelan tindakan itu sendiri perlu diperkukuhkan lagi. Keadaan dasar kerajaan pada hari ini ibarat manusia yang punya tangan tetapi tidak punya kaki.⁷⁴ Kelemahan dari segi pelaksanaan tindakan dasar itu sendiri perlu diteliti semua supaya ia melibatkan ramai pihak dan masyarakat. Beberapa cadangan telah dikemukakan oleh setiap pakar untuk memastikan kepentingan dan nilai *Negaraku* ini sentiasa hidup dan difahami oleh setiap kaum di Malaysia.

Pertama sekali, kerajaan perlu mengambil serius mengenai pemuliharaan artifak dan dokumen berkaitan *Negaraku*. Pendokumentasian dokumen-dokumen berharga dalam bentuk digital perlu dilakukan bagi memastikan setiap dokumen dan artifak ini tidak hilang, koyak ataupun rosak. Hal ini ditekankan oleh Dr. Shazlin Hamzah menerusi temubual beliau;

“Pada saya, dokumen-dokumen ini di digitalkan kemudian dimasukkan ke dalam sistem. Scan ke, PDF ke. Walau apa cara sekalipun, kita ada macam macam sistem yang boleh diusahakan untuk memelihara dan memelihara bahan-bahan ini.

Bagaimana jika sesuatu berlaku pada masa depan dan semua dokumen tersebut hilang? Jika kita kehilangan item-item ini untuk selamanya, maka apa yang akan berlaku kepada generasi kita yang akan datang? Adakah kita akan hilang satu sejarah yang sangat penting untuk negara kita. Ini adalah jati diri negara kita.”⁷⁵

Pelbagai sistem pendokumentasian telah diperkenalkan dalam era penuh teknologi ini tetapi ianya tidak digunakan secara menyeluruh. Hal ini penting supaya dokumen dan artifak ini terpelihara untuk diperkenalkan kepada generasi akan datang. Menerusi dokumen dan artifak yang berharga inilah masyarakat dalam melihat dan menghargai perjuangan Tuanku Abdul Rahman dalam usaha mencapai kemerdekaan. Ianya juga mencerminkan jati diri sebagai rakyat Malaysia.

Keduanya, kesediaan kerajaan dan kementerian berkaitan isu Negaraku perlu dipergiatkan lagi menerusi dasar sedia ada. Setiap agensi perlu memainkan peranan penting untuk menjalankan pelan tindakan yang dirancang. Kebanyakan staf kerajaan dan kementerian sendiri tidak mengetahui akan kepentingan serta makna di sebalik lagu Negaraku ini, walhal, ianya merupakan cerminan kepada jati diri kita. Pendedahan kepada susur galur sejarah Negaraku sangat penting bagi mengekalkan penghidupan nilai Negaraku ini sepanjang zaman.⁷⁶ Kesediaan ini boleh dilakukan menerusi keberkesanaan undang-undang menerusi semua lapisan masyarakat. Hal ini perlu diperkenalkan kepada semua institusi kerana kebanyakan dasar dan undang-undang ini tidak diperkenalkan kepada institusi berkaitan. Pengenalan kepada tribunal juga merupakan antara cadangan yang dilontarkan oleh responden kerana, tribunal yang menyerupai mahkamah ini boleh dijadikan sebagai medium bagi mendedahkan kepentingan Negaraku ini.⁷⁷

Akhir sekali, pendedahan terhadap lagu Negaraku perlulah menerusi sistem pendidikan dan pembelajaran sejarah. Ianya perlulah dimulakan dengan asas pendidikan awal kanak-kanak kerana ini merupakan langkah pertama bagi generasi masa kini menghayati akan kepelbagaian budaya dan nilai-nilai Negaraku. Cadangan untuk memperbanyakkan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan muzikal patriotisme perlu diambil kira bagi mendedahkan kanak-kanak ini dengan jati diri sebagai rakyat Malaysia. Misalnya, sistem pendidikan awal kanak-kanak di Indonesia diterapkan dengan aktiviti kebudayaan seperti nyanyi lagu kebangsaan dan lag-lagu patriotik. Bahkan, mereka juga diajar untuk bermain alat-alat muzik tradisional sebagai pendedahan kepada kebudayaan dan nasionalisme kebangsaan. Pendidikan seawal tadika atau taska ini sangat diperlukan untuk membina penghayatan terhadap lagu Negaraku. Sekitar umur empat hingga tujuh tahun inilah, sistem kognitif mereka akan lebih mudah menyerap nilai-nilai yang diajar. Justeru itu, sistem pendidikan awal kanak-kanak perlu divariasikan kepada aktiviti-aktiviti kebudayaan dan nasionalisme supaya mereka lebih terdedah akan nilai-nilai negara-bangsa menerusi Negaraku. Perihal ini ditekan dengan sesungguhnya dalam sesi temubual bersama Dato’ Dr Shamsul A.B, menyatakan,

“ Di situlah kehebatan Indonesia sebenarnya. Mereka dari kecil dah diajar untuk menyanyi lagu-lagu kebangsaan ini. Bahkan, mereka diajarkan kebudayaan seperti bermain muzik angklung....Mereka banyak terapkan muzik, kebudayaan Dayak (Kalimantan) sewaktu mereka masih kecil lagi.”⁷⁸

Kesimpulan

Kesimpulannya, kepentingan Negaraku ini sangat penting untuk difahami dan dihayati oleh semua lapisan masyarakat. Negaraku bukan hanya simbol kebangsaan yang dinyanyikan oleh rakyat Malaysia, tetapi ianya telah diterima, disanjung dan dihormati oleh setiap kaum di Malaysia. Negeraku menjadi simbol identiti dan kebanggaan rakyat Malaysia tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan bahasa. Tambahan pula, Negaraku ini menjadi bukti penyatuan setiap kaum kerana nilai sentimental yang kukuh kepada pendengarnya. Namun begitu, kefahaman dan amalan perlulah ditingkatkan dalam memastikan bahawa setiap mereka yang bergelar rakyat Malaysia menghayati lagu ini.

Berdasarkan kepada respon dan pandangan dari ketiga-tiga pakar sosiologi ini, Negaraku boleh diperkukuhkan lagi dengan langkah drastik dan strategik dari kerajaan. Penambahbaikan dari segi pelan tindakan dan program menerusi dasar sedia ada diperlukan dalam memenuhi capaian umum masyarakat. Kerajaan juga perlu memberikan perhatian yang khusus dalam setiap pelan tindakan bagi memelihara dan memulihara kelangsungan artifak serta dokumen berkaitan Negaraku ini. Item-item tersebut adalah harta dan bukti yang begitu bermakna untuk generasi masa hadapan.

Selain itu, pendidikan juga memainkan aspek yang sangat penting dalam membentuk kefahaman terutamanya kepada generasi hadapan. Cadangan yang sering dikemukakan adalah dari segi pendidikan awal di tadika dan penerapan silibus Negaraku dalam setiap peringkat dan institusi pendidikan. Silibus berkaitan tidak hanya tertumpu kepada subjek Sejarah sahaja tetapi boleh divariasikan menerusi subjek-subjek lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil dan lain-lain.

Biodata

*Siti Nurkhalilah Liana Binti Shieakh Malik (khalilahlianamalik@gmail.com) (corresponding author), merupakan pelajar Doktor Falsafah di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Shah Alam, 40450 Selangor, Malaysia.

**Prof. Madya Dr. Azizan Zainuddin (azizan_zainuddin@salam.uitm.edu.my), Profesor Madya di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Shah Alam, 40450 Selangor, Malaysia.

***Anida Mahmood (anida131@uitm.edu.my) merupakan Pensyarah di Fakulti Undang-undang, UiTM Shah Alam, 40450 Selangor, Malaysia.

Received: 27 April 2025

Reviewed: 4 Jun 2025

Accepted: 28 Jun 2025

Nota

¹ K. Benjamin, "Importance of national symbols", World Trends Home, <https://scalar.usc.edu/works/world-trends-home/importance-of-national-symbols>

² Shazlin Amir Hamzah, *Wajah Malaysia dalam gurindam lagu-lagu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022, hlm. 24.

³ Kenyataan ini diambil dari perbentangan yang dilakukan oleh Datin Saidah Rastam di dalam acara TedxKL Saidah Rastam, My national anthem: What does it matter? *TedxKL Youtube*, 2017, 21, hlm. 20.

<https://www.youtube.com/watch?v=GeJ-5MZLxzwv>. Bahkan, kenyataan ini juga disokong dan ditekankan oleh Shazlin Hamzah dalam buku beliau; Shazlin Amir Hamzah, *Wajah Malaysia dalam gurindam lagu-lagu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022, hlm.34.

⁴ Akta Lagu Kebangsaan 1969, Seksyen 8, hlm. 7.

Mark of respect

8. (1) *Whenever the National Anthem is played or sung or whenever the abridged or short version is played all persons present shall stand to attention as a mark of respect except where the National Anthem is played or sung in the course of a broadcast or news-reels as part of such broadcast or news-reels.*

(2) *Any person who knowingly shows disrespect towards the National Anthem in any public place shall be liable to a fine not exceeding one hundred ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one month.*

⁵ Shazlin Hamzah, *Wajah Malaysia dalam Gurindam Lagu-lagu*, hlm. 34

⁶ Ahmad Murad, Merican, The anthem *Negaraku*: national symbol and icon, *New Straits Times*, 30 Januari, 2019. <https://www.nst.com.my/education/2019/01/455783/anthem-negaraku-national-symbol-and-icon>

⁷ Waterman Stanley, "National anthem and national symbolism: Singing the nation," *Handbook of the changing world language map*, Springer, 2019, hlm. 1-16.

⁸ Shazlin Amir Hamzah, "Negaraku: The national anthem binding Malaysians in integration," *Siri Kertas Kajian Etnik UKM*, no.59, Disember 2018, hlm. 2-4.

⁹ "Anthems on the air", *The Straits Times*, 21 September, 1956, hlm 6.

¹⁰ "Pelajar cipta klip video alternatif hina *Negaraku* disiasat polis," *Star Media Group Berhad*, September 23rd, 2008, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2008/09/23/pelajar-cipta-klip-video-alternatif-hina-negaraku-disiasat-polis>

¹¹ "Pelajar UMT didakwa hina lagu *Negaraku*," *Malaysia Kini*, 11 Julai, 2011.

<https://www.malaysiakini.com/news/169582>

¹² "Video hina lagu *Negaraku* : Bukit Aman ambil tindakan," *Sinar Harian*, 2019.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/video-hina-lagu-negaraku-bukit-aman-ambil-tindakan-21882>

¹³ "Education Ministry probing *Negaraku* in Mandarin controversy, *New Straits Times*, 7 December, 2019, <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/12/545594/education-ministry-probing-negaraku-sung-mandarin-controversy>.

¹⁴ "Polis siasat video tular lagu kebangsaan dikibar bersama bendera Israel," *Agenda Daily*, Disember, 2022. <https://www.agendadaily.com/isu-semasa/polis-siasat-video-tular-lagu-kebangsaan-dikibar-bersama-bendera-israel/>

¹⁵ "Heboh! Akaun Berbendera Malaysia Hina lagu Indonesia Raya, Kompas TV, 28 Disember, 2021, <https://www.kompas.tv/klik360/133727/heboh-akun-berbendera-malaysia-hina-lagu-indonesia-raya>

¹⁶ Shazlin Amir Hamzah, *Wajah Malaysia dalam Gurindam Lagu-lagu*, hlm.30.

¹⁷ Ini merupakan laporan yang telah dibukukan semula; Hariz, 13 Mei: *Laporan Majlis Gerakan Negara: Mageran*, Kuala Lumpur: Biblio Press, 2021, hlm. 1-7.

¹⁸ "Tak hormat lagu *Negaraku*: PDRM, AG mesti bertindak tegas", @news, 1 Oktober, 2019.

¹⁹ Kajian yang dilakukan oleh Saidah Rastam pada tahun 2014. Kajian lebih menjurus kepada penceritaan sejarah mengenai asal-usul lagu *Negaraku*. Kajian beliau boleh dibaca sepenuhnya menerusi terbitan Strategic Info Research Development (SIRD); Saidah Rastam, *Rosalie: the other love song*, SIRD: Malaysia, 2014.

²⁰ Shazlin A. Hamzah merupakan pelopor bagi kajian *Negaraku* dengan menjadikan kajian daripada Saidah Rastam sebagai rujukan utama. Namun begitu, fokus utama kajian beliau lebih menjurus kepada kepentingan lagu patriotik termasuklah *Negaraku* sebagai identiti Malaysia. Kajian beliau juga telah dimulakan dari tahun 2018 lagi sehinggalah kini. Shazlin Amir Hamzah, *Wajah Malaysia dalam Gurindam Lagu-Lagu*, hlm 22.

²¹ Dillistone Frederick William, *The Power of Symbols in Religion and Culture*, New York: Crossroads, 1986, hlm. 7.

²² Kajian kedoktoran in merujuk kepada tesis beliau yang ditulis pada tahun 2005. Elgenius Gabriella, "Expression of nationhood: National symbols and ceremonies in contemporary Europe," PhD Diss., University of London, 2005.

²³ Dillistone, *The Power of Symbols in Religion and Culture*, hlm. 201.

²⁴ Elgenius Grabiella, *Symbols of nations and nationalism: Celebrating nationhood*, Basingstoke: Palgrave Macmillan, 2011, hlm. 45.

²⁵ Shazlin Amir Hamzah dan Shamsul Amri Baharuddin, "Lagu Malaysia Truly Asia Sentuhan Ahmad Nawab: Sebuah penjenamaan bangsa berakarkan rumpun Nusantara," *Malaysian Journal of Communication*, 37(2), 2020, hlm. 37-52.

²⁶ Anthony D. Smith, *Nationalism: Theory, ideology and history*, 2nd ed, Cambridge: Polity Press, 2013.

²⁷ Elgenius Gabriella, *Symbols of nations and nationalism: Celebrating nationhood*, Basingstoke: Palgrave Macmillan, 2011, hlm 48.

- ²⁸ Viktor Voros dan Sandor Fekete, "Word use and content analysis of six national anthems: Preliminary findings of a comparative cultural suicide research," *European Psychiatry*, 27(1), 2012, hlm. 82-85.
- ²⁹ Ribut Sorjawati, "Exploring interpersonal meanings on the discourse of the Indonesian national anthem from the CDA perspectives," *Studies in English Language and Education*, 8(1), 2021, hlm 360–380.
<https://doi.org/10.19088/1968-2016.136>
- ³⁰ Waterman Stanley, *National anthem and national symbolism: Singing the nation*, hlm. 12.
- ³¹ Shazlin Hamzah, *Wajah Malaysia dalam Gurindam Lagu-Lagu*, hlm. 38.
- ³² Frederick Erickson, *Culture in Society and Educational Practices in Multicultural education: Issues and perspective*, Wiley Publications: America, 2005, hlm. 89.
- ³³ Waterman Stanley, *National anthem and national symbolism: Singing the nation*, hlm. 7.
- ³⁴ Carlos Abril, "Functions of a national anthem in society and education: A sociocultural perspective," *Bulletin of the Council for Research in Music Education*, 172(73), 2007, hlm. 85-86.
- ³⁵ Alan Merriam, *The anthropology of music*, University Press: England, 1964 hlm. 12.
- ³⁶ Ribut Surjawati, "Exploring interpersonal meanings on the discourse of the Indonesian national anthem from the CDA perspectives", hlm. 12-13.
- ³⁷ Shazlin Hamzah, *Wajah Malaysia Dalam Gurindam Lagu-Lagu*, hlm. 13.
- ³⁸ Ahmad Murad, Merican, "The Anthem *Negaraku*: National Symbol and Icon," *New Straits Times*, 30 Januari 2019, <https://www.nst.com.my/education/2019/01/455783/anthem-negaraku-national-symbol-and-icon>
- ³⁹ Shazlin Amir Hamzah, "Negaraku: The National Anthem Binding Malaysians in Integration," hlm. 6.
- ⁴⁰ Terjemahan ini banyak direkodkan di dalam sumber-sumber penulisan sejarah *Negaraku*. Antaranya, Taman Saujana tulisan Mubin Sheppard, "Taman Saujana: Dance, drama, music and magic in Malaya long not so-long ago", IBS Publication, 1983 dan Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020, hlm. 35.
- ⁴¹ Saidah Rastam. My national anthem: What does it matter? *TedxKL Youtube*, 14 November, 2016, 21, hlm. 20
<https://www.youtube.com/watch?v=GeJ-5MZLxzwv>,
- ⁴² Shazlin Hamzah, *Wajah Dalam Gurindam Lagu-Lagu*, hlm. 33.
- ⁴³ Perpustakaan Negara, Ucapan YAB Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri merangkap Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia, *Perasmian Mesyuarat tahunan Malis Persatuan Sejarah Malaysia 1976*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 2003, hlm. 1-3.
- ⁴⁴ Saidah Rastam, "My National Anthem: Why does it matter?"
- ⁴⁵ Sesi temu bual bersama Shazlin Hamzah, Mac 7, 2023.
- ⁴⁶ Saidah Rastam dalam sebuah temubual di stesen Radio BFM 2015, transkripsi perenggan 17. Saidah, Podcast: History, Stories and Anecdotes of *Negaraku* in Song, 2015, hlm. 3.
- ⁴⁷ Patrik Aspers & Ugo Corte, "What is Qualitative in Qualitative Research," *Qual Sociol*, 42, (2019): p. 139–160.
<https://doi.org/10.1007/s11133-019-9413-7>
- ⁴⁸ Mwita, Strengths and weaknesses of qualitative research in social science studies, *International Journal of Research in Business and Social Science*, 11. no. 6, 2022, hlm. 618-625.
- ⁴⁹ Kajian antemologi ini adalah merujuk kepada kajian berkaitan dengan lagu kebangsaan. Elgenius Gabriella, *Symbols of nations and nationalism: Celebrating nationhood*, hlm. 119.
- ⁵⁰ Kellet, Interview Techniques, In *How to Develop Children as Researchers*, SAGE Publications, 2005, hlm. 63-75
- ⁵¹ Michael F. Connelly & Jean D. Clandinin. "Stories of Experience and Narrative Inquiry," *Sage Journals*, no 19(5), June 1990, hlm. 13, <https://doi.org/10.3102/0013189X019005002>
- ⁵² Kayi Ntinda, Narrative Research, In *Handbook of Research Methods in Health Social Sciences*, Singapore: Springer, 2019, hlm. 411-423.
- ⁵³ Muhammad Hassan, *Narrative Analysis: Types Methods and Examples*, Research Method, last modified March 25, 2024, <https://researchmethod.net/narrative-analysis/>
- ⁵⁴ Virginia Braun & Victoria Clarke Using thematic analysis in psychology, *Qualitative Research Psych*, no 3(2), 2006, hlm. 77–101.
- ⁵⁵ Michelle E Kiger dan Lara Varpio, "Thematic Analysis of Qualitative Data: AMEE Guide", *Med Tech*, no. 131, 1 May, 2020, hlm. 9, <https://doi.org/10.1080/0142159x.2020.1755030>
- ⁵⁶ Temu bual peribadi bersama Dr Shazlin Amir Hamzah, 10 November, 2022.
- ⁵⁷ Temu bual peribadi bersama Prof Dato Dr Emeritus Ahmad Murad Merican, 16 November, 2022.
- ⁵⁸ Temu bual peribadi bersama Prof Ulung Dato' Dr Shamsul Amri Burhanuddin, 22 November, 2022.
- ⁵⁹ Waterman Stanley, *National anthem and national symbolism: Singing the nation*, hlm. 13
- ⁶⁰ Temu bual bersama Prof Daro' Dr Emeritus Ahmad Murad Merican, 14 Mac, 2024.
- ⁶¹ Kenyataan ini direkodkan di dalam buku *Wajah dalam Gurindam Lagu-Lagu* yang ditulis oleh Shazlin Hamzah pada 2022. Ianya disunting menerusi temu bual peribadi yang dijalankan oleh penulis bersama

Mohammad Hashim dalam program Sejarah RTM; Mohammad Hashim, Sejarah RTM: Lagu-lagu Klasik dan Filem-Filem Melayu, 2014, 2015, 2021.

⁶² Temu bual peribadi bersama Prof Dato Dr Emeritus Ahmad Murad Merican, 14 Mac 2024.

⁶³ Temu bual peribadi bersama Prof Ulung Dato' Dr Shamsul A.B, 22 November 2022.

⁶⁴ Temu bual peribadi bersama Prof Dato Dr Emeritus Ahmad Murad Merican, 14 Mac 2024.

⁶⁵ Temu bual peribadi bersama Prof Ulung Dato' Dr Shamsul Amri Baharuddin, 22 November 2022.

⁶⁶ Shazlin Amir Hamzah & Shamsull Amri Baharuddin, Lagu Malaysia Truly Asia Sentuhan Ahmad Nawab: Sebuah penjenamaan bangsa berakarkan rumpun Nusantara, *Malaysian Journal of Communication*, 37(2), 2020: hlm. 37-52.

⁶⁷ Siti Nurkhalilah Liana, "*Nationalism and aesthetics in Negaraku: A Deconstructive Analysis*," Master thesis, Universiti Utara Malaysia, Kedah, 2020, hlm 144-146.

⁶⁸ Shazlin Amir Hamzah, *Wajah Malaysia dalam Gurindam Lagu-Lagu*, hlm. 147.

⁶⁹ Temu bual peribadi bersama Prof Dato Dr Ahmad Murad Merican, 16 November 2022.

⁷⁰ Ibid. Watan ini ditafsirkan sebagai dasar-dasar yang mendasari kewatangan penduduk asal contohnya, norma masyarakat dan undang-undang adat.

⁷¹ Temu bual peribadi bersama Prof Ulung Dato' Dr Shamsul Amri Baharuddin, 22 November 2022.

⁷² Ibid.

⁷³ Ahmad Murad Merican, Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971: Sebuah simposium pasca 50 tahun. Temu bual oleh Eddin Khoo, 11 Disember 2021, 120.10,

<https://www.facebook.com/culturetraditionideas/videos/1081853362568926>

⁷⁴ Temu bual peribadi bersama Prof Dato Dr Emeritus Ahmad Murad Merican, 14 Mac 2024.

⁷⁵ Temu bual peribadi bersama Prof Ulung Dato' Dr Shamsul Amri Baharuddin, 22 November 2022.

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ Temu bual peribadi bersama Prof Dato Dr Emeritus Ahmad Murad Merican, 16 November 2022.

⁷⁸ Temu bual peribadi bersama Prof Ulung Dato' Dr Shamsul Amri Baharuddin, 22 November 2022.

Rujukan

Ahmad Murad Merican, The anthem *Negaraku*: national symbol and icon. *New Straits Times*, January 30th, 2019. <https://www.nst.com.my/education/2019/01/455783/anthem-negaraku-national-symbol-and-icon>

Ahmad Murad Merican, "Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971: Sebuah simposium pasca 50 tahun." Temu bual oleh Eddin Khoo, December 11th, 2021. <https://www.facebook.com/culturetraditionideas/videos/1081853362568926>

"*Anthems on the air*," *The Straits Times*, September 21st, 1956.

Benjamin, Importance of national symbols. Last modified 2019. World Trends Home. <https://scalar.usc.edu/works/world-trends-home/importance-of-national-symbols>

Bernama, "Pelajar UMT didakwa hina lagu Negaraku." *Malaysia Kini*, July 11th, 2011. <https://www.malaysiakini.com/news/169582>

Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020.

Cerulo Karen, "A Symbols and the world system: national anthems and flags," *Sociological Forum*, 8(2), 1993, 243–271, <https://doi.org/10.1007/BF01115492>

Elgenius Gabriella, "*Expression of nationhood: National symbols and ceremonies in contemporary Europe*," PhD diss., University of London, 2005.

Elgenius Gabriella, *Symbols of nations and nationalism: Celebrating nationhood*. Basingstoke: Palgrave Macmillan, 2011.

Frederick Erickson, Culture in society and educational practices. In J. A. Banks & C. McGee (eds.), *Multicultural education: Issues and perspective*, Wiley Publications: America, 2005.

“Heboh! Akaun Berbendera Malaysia Hina lagu Indonesia Raya,” *Kompas tv*, Disember 28, 2020. <https://www.kompas.tv/klik360/133727/heboh-akun-berbendera-malaysia-hina-lagu-indonesia-raya>

Kelvin Mwita, “Factors to consider when choosing data collection methods,” *International Journal of Research in Business and Social Science*, no.11(5), 2022, 532-538. <https://doi.org/10.20525/ijrbs.v11i5.1842>

Kelvin Mwita, “Strengths and weaknesses of qualitative research in social science studies,” *International Journal of Research in Business and Social Science*, no. 11(6), 2022, 618-625.
Kellet M. Christopher “Interview Techniques,” in *How to develop children as Researchers*. 1st ed. Sage Publications, 2005.

Michael F. Connelly dan Jean D. Clandinin, “Stories of Experience and Narrative Inquiry,” *Sage Journals*, no 19(5), June 1990. <https://doi.org/10.3102/0013189X019005002>

Muhammad Hassan, “Narrative Analysis – Types, methods and example,” *Research Method*, Januari 5, 2024. https://researchmethod.net/narrative-analysis/#google_vignette

Michelle E. Kiger dan Lara Varpio, “Thematic analysis of qualitative data: AMEE Guide No. 131,” *Taylor and Francis*, Mei 1, 2020. <https://doi.org/10.1080/0142159X.2020.1755030>

Mohammad Hashim, *Sejarah RTM: Lagu-lagu klasik dan filem-filem Melayu*, Kuala Lumpur: RTM, 2014.

Mubin Sheppard, *Taman Saujana: Dance, drama, music and magic in Malaya long not so long-ago*. IBS Publication, 1983.

Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln, *The handbook of qualitative research* (3rd Eds). Thousand Oaks, California: Sage Publications, 2005.

Patrick Aspers dan Udgo Corte, “What is Qualitative in Qualitative Research?” *Qualitative Sociology*, no.42, 2019, 139–160. <https://doi.org/10.1007/s11133-019-9413-7>
“Pelajar cipta klip video alternatif hina *Negaraku* disiasat polis,” *Star Media Group Berhad*, September 23rd, 2008. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2008/09/23/pelajar-cipta-klip-video-alternatif-hina-negaraku-disiasat-polis>

“Pelajar cipta klip video alternatif hina *Negaraku* disiasat polis,” *Star Media Group Berhad*, September 23rd, 2008. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2008/09/23/pelajar-cipta-klip-video-alternatif-hina-negaraku-disiasat-polis>“

Polis siasat video tular lagu kebangsaan dikibar bersama bendera Israel,” *Agenda Daily*, Disember, 2022. <https://www.agendadaily.com/isu-semasa/polis-siasat-video-tular-lagu-kebangsaan-dikibar-bersama-bendera-israel/>

Saidah Rastam, *Rosalie, the other love song*. Strategic Info Research Development (SIRD): Malaysia, 2014.

Saidah Rastam. My national anthem: What does it matter? *TedxKL Youtube*, 2017.
<https://www.youtube.com/watch?v=GeJ-5MZLxzwv>

Saidah Rastam, "Podcast: History, Stories and Anecdotes of Negaraku in Song," *BFM Radio Station*, September 4, 2015. <https://www.bfm.my/podcast/bigger-picture/liveand-learn/melaka-in-fact>

Shazlin Amir Hamzah, "Negaraku: A celebrated tune in the Archipelago unifying force for Malaysia," *Focus Malaysia Website*, July 24th, 2021, <https://focusmalaysia.my/negaraku-a-celebrated-tune-in-the-archipelago-unifying-force-for-msia/>

Shazlin Amir Hamzah dan Shamsul Amri Baharuddin, "Lagu Malaysia Truly Asia Sentuhan Ahmad Nawab: Sebuah penjenamaan bangsa berakarkan rumpun Nusantara." *Malaysian Journal of Communication*, 37, no.2, 2020, 37-52.

Shazlin A. Hamzah, *Wajah Malaysia Dalam Gurindam Lagu-lagu*, Bangi: Penerbit UKM, 2022.

Shazlin A. Hamzah, Negaraku: A Celebrated Tune in the Archipelago, Unifying Force for Malaysia, *Focus Malaysia*, Julai 2021.

Shazlin A. Hamzah, *Negaraku: The national anthem binding Malaysians in integration*, Siri Kertas Kajian Etnik UKM, bil.59, 2018.

Siti Nurkhalilah Liana, "Nationalism and aesthetics in Negaraku: A Deconstructive Analysis," Master diss., Universiti Utara Malaysia, 2020.

"Tak hormat lagu Negaraku: PDRM, AG mesti bertindak tegas," *Sarawak Voice*, Oktober 1, 2019. <https://says.com/my/news/sarawak-activists-slammed-for-refusing-to-stand-up-for-negaraku-in-viral-video>

Suzan Ahmad, "Asal-usul lagu Negaraku," *iMuzik Website*, Ogos 31, 2008. http://carmahlms.com/info_muzik/IMarticles/IMaulnk.htm

Sorjawati, R., Exploring interpersonal meanings on the discourse of the Indonesian national anthem from the CDA perspectives, *Studies in English Language and Education*, 8(1), 360–380, 2021.

Virginia Braun dan Victoria Clarke Using thematic analysis in psychology, *Qualitative Research Psych*, no 3(2), 2006, 77–101 .

Velusamy Thermesh. "Queens wants action to be taken account that defamed Agong," *World of Buzz*, January 1st, 2021. <https://worldofbuzz.com/just-behead-the-admin-msians-want-action-to-be-taken-against-ig-account-defaming-agong/>

Viktor Voros dan Sandor Fekete, "Word use and content analysis of six national anthems: Preliminary findings of a comparative cultural suicide research," *European Psychiatry*, 27(1), 2012, 82-85.

Waterman Stanley, "National anthem and national symbolism: Singing the nation," *Handbook of the changing world language map*, ed. Brunn and R. Kehrein, Springer, 2019.

"Video hina lagu Negaraku : Bukit Aman ambil tindakan," *Sinar Harian*, 2019.
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/video-hina-lagu-negaraku-bukit-aman-ambil-tindakan-21882>